

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
SEMPENA MAJLIS MALAM CIPTA KUTKM 2006 –
CETUSAN INSPIRASI PROJEK TEKNIKAL DAN APLIKASI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TEMPAT:
HOTEL EQUATORIAL
MELAKA**

**TARIKH :
14 JULAI 2006**

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS MALAM
CIPTA KUTKM 2006 – CETUSAN INSPIRASI PROJEK
TEKNIKAL DAN APLIKASI BERTEMPAT DI HOTEL
EQUATORIAL MELAKA PADA 14 JULAI 2006 JAM
8.00 MALAM.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

YANG BERHORMAT DATUK YAAKOB BIN MD AMIN,
PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI, PELAJARAN
& PENGAJIAN TINGGI, NEGERI MELAKA.

YBHG PROF. DR ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK &
PENGANTARABANGSAAN)

YBHG DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN DAN
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

YG. BERUSAHA PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN
SUAIDI, DEKAN PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA
HORMATI

SEBAGAI TANDA KASIH KITA KEPADA PENCIPTA
RABBUL JALIL, MARILAH SAMA-SAMA KITA
MERAFAKKAN RASA SYUKUR KITA YANG TIDAK
TERHINGGA, KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA

DENGAN LIMPAN KURNIANNYA DAPATLAH KITA BERHIMPUN BERSAMA-SAMA DI MAJLIS INI.

MAJLIS INI ADALAH SATU MAJLIS YANG PENUH GEMILANG KEPADA KUTKM DAN PERTAMA KALI IA DIJAYAKAN. MAJLIS PADA MALAM INI DINAMAKAN SEBAGAI **CIPTA** BERSEMPENA DENGAN MALAM YANG DIKENALI SEBAGAI 'CETUSAN INSPIRASI PROJEK TEKNIKAL DAN APLIKASI' – (**CIPTA KUTKM 2006**), YANG BERTEMAKAN PENYELIDIK CEMERLANG, KUTKM TERBILANG.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PENSYARAH-PENSYARAH DAN SEMUA PENYELIDIK KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA YANG BERUSAHA GIGIH DALAM BIDANG PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D). IA PERLU DILAKUKAN DALAM USAHA KITA UNTUK

MEMARTABATKAN BIDANG AKADEMIK SEBAGAI SATU BIDANG YANG DIHORMATI DAN DISEGANI.

PADA HEMAT SAYA PROGRAM INI PERLU DIJADIKAN SEBAGAI SATU ACARA TAHUNAN UNTUK MENGIKTIRAF DAN MERAIKAN PENYELIDIK-PENYELIDIK KUTKM YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MENGHARUMKAN NAMA UNIVERSITI SAMADA DI PERINGKAT NASIONAL MAHUPUN ANTARABANGSA. SYABAS SAYA UCAPKAN.

HADIRIN & HADIRAT SEKALIAN,

PIHAK KERAJAAN TELAH MEMBERI BANYAK PERUNTUKAN DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) TERUTAMANYA MELALUI PELAKSANAAN DALAM BEBERAPA RANCANGAN MALAYSIA. MISALNYA MELALUI RANCANGAN MALAYSIA KE ENAM, KERAJAAN TELAH MEMBERI

PERUNTUKAN SEBANYAK RM600 JUTA UNTUK PROJEK IRPA.

PIHAK KERAJAAN TERUS MENAMBAH PERUNTUKANNYA DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) PADA RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH IAITU SEBANYAK RM708 JUTA. KESERIOUSAN KERAJAAN UNTUK MENGGALAK SERTA MEMANFAATKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) DITERUSKAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN. PERUNTUKANNYA DITINGKATKAN KEPADA RM833 JUTA DAN PADA RMK9, KALI INI KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKAN SEBANYAK RM200 JUTA KHUSUS UNTUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM BAGI MENERUSKAN DASAR MENGGALAKKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) NEGARA.

HAL INI PENTING KERANA KERAJAAN SEDAR BAHAWA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) AKAN MEMBAWA MALAYSIA KE ARAH NEGARA MAJU BAGAI MENCAPAI WAWASAN 2020. PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) AKAN MEMBOLEHKAN NEGARA MEMBUAT PENEMUAN – PENEMUAN BARU TERUTAMANYA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI SAMA ADA DALAM SEKTOR ICT, AUTOMOTIF, BIOTEKNOLOGI, KESIHATAN DAN INDUSTRI TERUTAMANYA DALAM INDUSTRI NANOTECHNOLOGY, ADVANCED MATERIAL, ADVANCED MANUFACTURING DAN ALTERNATIVE ENERGY.

HADIRIN & HADIRAT SEKALIAN,

PENEMUAN-PENEMUAN BARU YANG BERSIFAT LEBIH KREATIF DAN INOVATIF MELALUI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) AKAN MENINGKATKAN DAYA SAING NEGARA

TERUTAMANYA BAGI PRODUK YANG MEMPUNYAI NILAI KOMERSIL DI PASARAN ANTARABANGSA DI SAMPING DAPAT MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN.

NEGARA PERLU Mencari sumber baru sama ada dalam bentuk sumber asli mahupun dalam bentuk pengetahuan serta perkhidmatan bagi meningkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa. Sehubungan itu penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti dan agensi lain perlu bagi membantu negara mencapai maklumat tersebut.

Kepakaran tenaga ahli akademik universiti perlu digunakan sepenuhnya bagi membolehkan lebih banyak penyelidikan dan pembangunan (R&D) dihasilkan untuk menjadi sumber baru bagi menjana pendapatan

kepada negara di samping ia dimanfaatkan untuk kesejahteraan dunia.

Output penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bentuk harta intelek daripada institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan telah menjadi amalan dan digunakan sepenuhnya oleh negara-negara maju bagi tujuan komersialisasi dan eksploitasi. Malahan ia telah menjadi satu penanda aras bagi mengukur tahap kemajuan, keupayaan, penyelidikan, kualiti kehidupan, pembangunan produk dan pembangunan keusahawanan.

Hadirin & hadirat sekalian,

Menyedari hakikat tersebut maka pihak KUTKM telah memperuntukkan sejumlah

RM3.35 JUTA BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN DENGAN PELAKSANAAN 193 PROJEK JANGKA PENDEK DAN TELAH MENERIMA RM390,700 DARI PIHAK KERAJAAN BAGI MELAKSANAKAN 2 PROJEK IRPA.

KUTKM JUGA TELAH MELAKARKAN BEBERAPA PENCAPAIAN DALAM BIDANG PENYELIDIKAN SEPERTI PROJEK **ARTIFICIAL INTELEAGENT NEURAL-NETWORK IDENTIFY (AINI)** YANG TELAH DIIKTIRAF SEBAGAI ROBOT INTERAKTIF PERTAMA MALAYSIA DAN TELAH DIREKODKAN DI DALAM **MALAYSIA BOOK OF RECORDS**. AINI JUGA DIANGKAT SEBAGAI ANUGERAH INOVASI BARU TERBAIK DI NCI 2004, SWITZERLAND DI SAMPING MEMENANGI PINGAT EMAS **MINDS 2004 AWARDS** DI ITEX 2004.

BEGITU JUGA DENGAN BEBERAPA PROJEK LAIN SEPERTI **AIR PRESSURE PLUG** YANG MEMENANGI PINGAT EMAS DALAM **34TH INTERNATIONAL**

EXHIBITION OF INVENTION NEW TECHNIQUES AND PRODUCTS GENEVA, SWITZERLAND DAN JUGA MENDAPAT PINGAT EMAS SEMASA **16TH INTERNATIONAL INVENTION, INOVATION, INDUSTRIAL DESIGN & TECHNOLOGY EXHIBITION 2005 (ITEX 2005)**.

HADIRIN & HADIRAT SEKALIAN,

SECARA KESELURUHANNYA PIHAK UNIVERSITI BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI OLEH PENYELIDIK-PENYELIDIK KUTKM. BEBERAPA REKOD UNTUK CATITAN BERSAMA KEJAYAAN KITA ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

- i) PINGAT EMAS DAN 1 PERAK DALAM PENYERTAAN DI ITEX 2005 DENGAN PENYERTAAN 8 PROJEK.
- ii) 5 PINGAT PERAK DAN 1 PINGAT GANGSA DALAM PENYERTAAN IPTA R&D EXHIBITION 2005 DENGAN PENYERTAAN 17 PROJEK.
- iii) 1 PINGAT PERAK DAN 6 PINGAT GANGSA DALAM PENYERTAAN EXPO MTE 2006 DENGAN PENYERTAAN 15 PROJEK.
- iv) 1 PINGAT EMAS DAN 2 PINGAT GANGSA DALAM PENYERTAAN 34TH INTERNATIONAL EXHIBITION OF INVENTION NEW PRODUCTS AND TECHNIQUES GENEVA DENGAN PENYERTAAN 6 PROJEK.

ALHAMDULILLAH KITA MENGUCAPKAN BERBANYAK KESYUKURAN KERANA WALAUPUN KUTKM ADALAH SEBUAH UNIVERSITI BARU NAMUN HASIL KEGIGIHAN KITA BEKERJA KERAS TANPA MENGENAL PENAT LELAH MAKA KITA TELAH BERJAYA UNTUK MENYERTAI DAN MEMENANGI BEBERAPA ANUGERAH.

KEJAYAAN INI TIDAK DATANG BERGOLEK TANPA USAHA DAN KOMITMEN SEMUA PIHAK. SEKALUNG PENGHARGAAN YANG BERUPA UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS INGIN SAYA LAFAZKAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG BERTUNGKUS LUMUS DALAM MENJAYAKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI KUTKM INI.

HADIRIN & HADIRAT SEKALIAN,

PARA PENYELIDIK DAN AHLI AKADEMIK KUTKM PERLU LEBIH GIGIH LAGI PADA MASA HADAPAN DENGAN LEBIH MEMPERUNTUKKAN MASA BAGI MELAKUKAN LEBIH BANYAK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) DALAM USAHA KITA MEMBANTU MALAYSIA MENJADI NEGARA TERBILANG DALAM BIDANG R&D.

SAYA AKHIRI MAJLIS PADA MALAM INI DENGAN KALIMAH YANG MULIA, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WRT. WBT. DAN TERIMA KASIH.